

APA KATA MEREKA

InfoSIHAT



Sila imbas QR-Code untuk lihat paparan

Unit Komunikasi Korporat telah mengadakan sesi “**Get Your Groove On**” semasa majlis Perhimpunan Bulanan Petugas FELDA pada 22 Januari 2020. Jom kita lihat apa reaksi petugas mengenai sesi ini.

Reaksi Petugas #1

Nordin Azli Moahamad Isa dari Jabatan Perladangan – Unit Pengurusan Perladangan

Encik Nordin sangat mengalu-alukan program kecergasan ini diteruskan sebulan sekali dengan cadangan program yang dipelbagaikan dalam bentuk aerobik, zumba mahupun poco-poco. Beliau juga berpendapat setiap petugas hendaklah mengambil inisiatif untuk meneruskan program ini di masa terluang untuk memastikan diri kekal cergas. Ini adalah satu langkah proaktif untuk memastikan diri kita sentiasa sihat dan dapat menyumbang kepada penurunan kadar kos perubatan yang tinggi. Di samping itu juga, beberapa aktiviti kesihatan dapat dipakejkan sebagai sebahagian daripada program kecergasan ini seperti anjuran pemeriksaan tekanan darah, kadar kolesterol, gula dan jantung. Bagi menggalakkan penglibatan petugas, saranan program diadakan di penghujung waktu bertugas atas faktor mobiliti petugas.

Reaksi Petugas #2

Rosdi Osman dari Jabatan Transformasi, Pengurusan Kualiti dan Inovasi

Encik Rosdi memuji usaha yang amat baik yang digerakkan untuk semua petugas. Beliau menaruh harapan tinggi kepada permulaan yang positif dan perlu dipertingkatkan kepada jenis senaman kardio serta senaman kekuatan otot selain penggunaan alat bantu senaman, ujian kecergasan, pengukuran BMI dan Fitness Talk. Selain itu, program kecergasan ini dilihat dapat meningkatkan prestasi kerja ke tahap lebih cemerlang kerana petugas akan menggunakan masa dengan sebaiknya kerana dengan amalan gaya hidup sihat ini melahirkan petugas FELDA yang berkualiti dan cemerlang. Di samping itu, FELDA juga boleh melibatkan beberapa petugas yang berminat untuk menjadi jurulatih. Beliau juga berpendapat petugas yang berkeperibadian tinggi dapat diperlihatkan melalui aspek fizikal dan mental dan seterusnya mempertingkatkan hubungan sosial dan mutu kerja yang berkualiti.

Reaksi Petugas #3

Norhayati Abdul Wahab dari Jabatan Sumber Manusia

Puan Norhayati berharap FELDA dapat mempertimbangkan agar program kecergasan ini dapat diadakan dua (2) kali sebulan dengan dimulakan dengan program senaman melalui sistem siar raya yang berlangsung selama 15 minit setiap dua (2) kali seminggu. Apabila dipraktiskan dalam jangka sama panjang, kita dapat melihat kesan atas diri sendiri apabila badan sentiasa cergas dan bersemangat, maka secara tidak langsung akan dapat mengurangkan kos bil perubatan. Secara kesimpulannya, beliau menekankan apabila petugas menitikberatkan aspek kesihatan, ia akan membantu petugas menjana produktiviti terbaik untuk seluruh warga FELDA.

